

***KNOWLEDGE OF FIQH CONTENT AMONG RELIGIOUS TEACHERS
IN BRUNEI DARUSSALAM***

**PENGETAHUAN ISI KANDUNGAN FIQH DALAM KALANGAN GURU-GURU
UGAMA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SITI ASTRI HJ MOKSIN¹, MUHAMAD ZAHIRI AWANG MAT² & HJH NORWATI HJ ABU BAKAR³

¹⁻³Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Corresponding authors: sitiastrihm@gmail.com, zahiri.mat@kupu-sb.edu.bn & norwati.bakar@kupu-sb.edu.bn

Received: 10 June 2021

Accepted: 22 June 2021

Published: 30 June 2021

Abstract: *Content knowledge is one of the components of the pedagogical content knowledge which founded by Shulman in the 1980's. Numerous studies have been conducted to measure the teacher's content knowledge in various subject areas. Therefore, this study aims to identify the level of Fiqh content knowledge among Islamic religious teachers in Brunei Darussalam. Survey research is used to obtain data through questionnaire instruments. A total of 469 Islamic religious teachers of Primary IV, V, and VI were involved in this study. Alpha cronbach reliability value gained by 0.896. Descriptive analysis is used in this study to obtain frequency, percentage, mean, and standard deviation. Overall, the teacher's content knowledge level is at a very high level with a Mean value 4.29, SD 0.43. In conclusion, Islamic religious teachers able to master the knowledge in Fiqh contents taught at the religious school level. Islamic Religious teachers are also advised to always increase the current knowledge about Fiqh so that it can be shared with the students during the teaching process in the classroom.*

Keywords: *Content Knowledge, Islamic Education, Fiqh Teaching*

Abstrak: Pengetahuan isi kandungan merupakan salah satu komponen di dalam pengetahuan pedagogikal kandungan yang diasaskan oleh Shulman sekitar tahun 1980-an. Banyak kajian telah dijalankan untuk mengukur pengetahuan isi kandungan guru dalam pelbagai bidang pelajaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan isi kandungan Fiqh dalam kalangan guru-guru ugama di Negara Brunei Darussalam. Kajian secara tinjauan digunakan untuk memperoleh data menerusi instrumen soal selidik. Seramai 469 orang responden guru-guru ugama Darjah IV, V, dan VI terlibat dalam kajian ini. Nilai kebolehpercayaan alpha cronbach yang diperolehi sebanyak 0.896. Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min, dan sisihan piawai. Secara keseluruhan tahap pengetahuan isi kandungan guru berada pada tahap yang sangat tinggi dengan nilai Min 4.29, SP 0.43. Kesimpulannya, guru-guru ugama mampu menguasai dan berpengetahuan terhadap isi kandungan pelajaran Fiqh yang diajarkan pada peringkat sekolah ugama. Guru-guru ugama juga disarankan agar sentiasa menambah ilmu pengetahuan semasa tentang Fiqh supaya dapat dikongsikan dengan murid semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah.

Kata kunci: Pengetahuan Isi Kandungan, Pendidikan Islam, Pengajaran Fiqh

Cite this article: Siti Astri Hj Moxsin, Muhamad Zahiri Awang Mat & Hjh Norwati Hj Abu Bakar. (2021). Pengetahuan Isi Kandungan Fiqh dalam Kalangan Guru-Guru Uagama di Negara Brunei Darussalam. [*Knowledge of Fiqh Content among Religious Teachers in Brunei Darussalam*] Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE), 1(2), 88-100.

PENGENALAN

Pengetahuan isi kandungan merupakan elemen penting perlu dimiliki oleh guru (Nurul Ashikin et al., 2020; Naquiah & Jimaain, 2016; Khoiri, 2010; Shulman, 1987). Ia juga merupakan sebahagian dari komponen pengetahuan pedagogikal kandungan. Pengetahuan ini dapat mempengaruhi dan membentuk pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) guru (Tepner & Dollny, 2014). Pengetahuan isi kandungan ialah pemahaman guru terhadap mata pelajaran yang diajar (*subject matter knowledge*) (Zarima et al., 2016; Shulman, 1986). Menurut Turner Bisset (2010), pengetahuan isi kandungan adalah pengetahuan tentang tajuk, peraturan, struktur, dan teori tertentu bagi suatu mata pelajaran. Kajian ini memfokuskan tentang pengetahuan isi kandungan guru dalam pengajaran Fiqh di peringkat sekolah agama di Negara Brunei Darussalam.

Mutakhir ini, guru-guru agama juga tidak ketinggalan menghadapi pelbagai cabaran untuk mencorak pengajaran yang berkesan. Hal demikian disebabkan beban tugas guru disamping tanggungjawab guru-guru agama khusus guru-guru Darjah IV hingga VI yang mana majoriti daripada mereka ada yang mengajar keseluruhan mata pelajaran agama bagi satu-satu peringkat seperti turut mengajar mata pelajaran Tauhid, Tarikh, Tajwid dan lain-lain selain mata pelajaran Fiqh. Sebagai contoh guru-guru agama Darjah VI, mata pelajaran Fiqh yang diajarkan antaranya ialah Solat, Zakat, Haji, Mu'amalat, Munakahat, dan Jenayat. Dan period yang diperuntukan untuk mengajar mata pelajaran ini adalah antara satu hingga 3 period iaitu satu period diperuntukan berjumlah selama 25 hingga 30 minit.

Maka yang demikian, sukatan pelajaran yang diperuntukkan oleh Jabatan Pengajian Islam perlu dihabiskan dalam masa setahun (Norainah, 2012). Dengan peruntukan masa mengajar yang agak terhad dan kepelbagaian ilmu yang diajar sudah setentunya memerlukan pengetahuan guru yang berbeza-beza dan kemahiran mereka memperkembangkan idea-idea yang terkandung dalam buku teks mengikut kesesuaian murid yang diajar. Pengetahuan guru yang baik terhadap kandungan pelajaran akan dapat membantu mereka untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dengan mudah dan lancar. Oleh itu, kajian ini secara keseluruhannya bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan isi kandungan pengajaran Fiqh dalam kalangan guru-guru agama di keempat-empat daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Temburong, dan Daerah Kuala Belait.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengetahuan Isi Kandungan

Pengetahuan isi kandungan merupakan elemen penting yang mesti dimiliki oleh guru dalam pengajaran guru (Nurul Ashikin et al., 2020; Naquiah & Jimaain, 2016; Khoiri, 2010; Shulman, 1987). Pengetahuan ini adalah komponen yang amat signifikan untuk membantu mewujudkan

pengajaran yang berkesan (Roslina et al., 2019; Muhamad Hafizan & Anuar, 2017; Cahyono et al., 2016; Abdul Jalal, 2016; Roxana & Andrei, 2014). Guru yang berkesan sering dikaitkan dengan kemampuan mereka menguasai dan berpengetahuan terhadap isi pelajaran yang diajarkan (Muhamad Hafizan & Anuar, 2017; Coe et al., 2014; Roxana & Andrei, 2014; Rusli, 2013). Mereka dituntut untuk memiliki pengetahuan terhadap bidang yang diajarkan (Sapie et al., 2018; Mohd Musnizam & Ab. Halim Tamuri, 2012; Awang Mohd. Jamil, 2008).

Al-Abrasyi (1974), An-Nahlawi (1989), dan Imam al-Ghazali (2003) menekankan bahawa guru mesti berpengetahuan terhadap mata pelajaran yang diajarkan. Guru bukan hanya setakat berpengetahuan terhadap bidang yang diajarkan, malahan mereka juga perlu menguasai ilmu pengetahuan lain (An-Nahlawi, 1989; Al-Abrasyi, 1974) dengan mendalami ilmu sebanyak mungkin untuk disebarkan kepada murid (Yahya et al., 2014). Oleh itu, guru harus mengetahui bahagian-bahagian isi pelajaran dan menghubungkannya dengan informasi lain (Ahmad Tafsir, 2011). Hal demikian menyebabkan guru mudah menyampaikan isi pelajaran apabila mereka berupaya mengemukakan banyak contoh yang berkaitan dengan kehidupan murid (Nur Ain & Zamri, 2019).

Natijahnya, penguasaan guru terhadap bidang yang diajar dapat membantu mereka untuk menyampaikan pengajaran dengan baik dan mampu mencapai matlamat pengajaran (Asma et al., 2020) sehingga menimbulkan kepercayaan murid terhadap pengajaran guru (An-Nahlawi, 1989; Al-Abrasyi, 1974). Namun, jika sebaliknya boleh mengakibatkan hilangnya kepercayaan murid terhadap guru (Ab Halim Tamuri & Khairul Azman, 2010) dan menyebabkan penyampaian guru kurang berkesan (Ma'rufi & Dwi Juniati, 2018; Danisman & Tanisli, 2017; Ainon, 2016; Zarima et al., 2016). Hal demikian mengakibatkan murid tidak faham tentang isi pelajaran yang diajarkan (Muhamad Hafizan & Anuar, 2017; Zarima et al., 2016) dan memungkinkan penyampaian maklumat yang tidak tepat (Abdul Jalal, 2016).

Pengetahuan guru terhadap kandungan pelajaran membantu mereka untuk menentukan tujuan pelajaran (Mohamad Nurul Azmi et al., 2017; Ahmad Tafsir, 2011). Oleh itu, selaras dengan Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Ugama 1985, Pindaan 2019 (Jabatan Pengajian Islam, 2020), menyatakan bahawa guru-guru ugama perlulah menguasai, memahami, dan boleh menghuraikan isi pelajaran dengan baik serta mengetahui objektif pembelajaran yang ingin dicapai di akhir pengajaran. Guru perlu tahu bagaimana untuk mempersembahkan kandungan yang telah difahami ke dalam pengajarannya (Mohamad Nurul Azmi et al., 2017; Derin et al., 2010). Pengetahuan kandungan guru bukan hanya setakat membantu mereka untuk menentukan tujuan pengajaran pembelajaran, malahan dapat mempengaruhinya merancang dan menyusun sesuatu pelajaran (Asma et al., 2020; Muhamad Hafizan & Anuar, 2017; Aguinaldo, 2017; Yeni et al., 2016; Atasoy & Aygun, 2016; Jahidih & Azmil, 2014) mengikut kesesuaian murid yang diajar (Yeni et al., 2016; Khairunnisa et al., 2015; Ahmad Tafsir, 2011).

Guru-guru ugama perlulah menguasai sepenuhnya kandungan Fiqh yang diajarkan kerana hal demikian membantu mereka untuk menentukan perancangan pengajaran dan dapat menyesuaikan kaedah pengajaran. Pengetahuan guru terhadap isi kandungan pelajaran membantu mereka membuat perancangan segi pemilihan pendekatan, kaedah, teknik, dan strategi pengajaran

(Siti Astri & Noor Shah, 2019; Magdeline & Zamri, 2014) sesuai dengan minat dan kebolehan murid (Nurmelda & Roslinda, 2020). Oleh itu, guru-guru agama yang mengajar pelajaran Fiqh perlulah memiliki pengetahuan yang baik terhadap kandungan Fiqh sebagaimana yang ditetapkan di dalam sukatan pelajaran dan buku teks sekolah agama.

Pengajaran Fiqh

Pelajaran Fiqh merupakan salah satu mata pelajaran yang diajarkan di peringkat rendah atas persekolahan agama. Pelajaran ini merupakan komponen terpenting dalam pendidikan sekolah agama dengan tujuan untuk melahirkan murid-murid yang taat beribadat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan berpengetahuan tentang hukum-hukum syarak untuk diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Di peringkat sekolah agama, kurikulum mata pelajaran Fiqh dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid. Dalam konteks pendidikan di Negara Brunei, tajuk-tajuk seperti Solat, Shiam, Zakat, Haji, Mu'amalat, Munakahat, dan Jenayat termasuk dalam kurikulum mata pelajaran Fiqh sekolah-sekolah agama Darjah IV hingga VI.

Sesi pengajaran Fiqh peringkat sekolah agama diperuntukan bagi satu period ialah sesi pagi sebanyak 30 minit dan sesi petang sebanyak 25 minit. Masa mengajar yang diperuntukan bagi setiap sub mata pelajaran Fiqh adalah berbeza. Merujuk kepada sukatan pelajaran yang disediakan, bagi Darjah IV sub mata pelajaran yang diajar ialah pelajaran Solat, Taharah, dan Shiam. Pelajaran Solat adalah sebanyak empat period, pelajaran Taharah sebanyak tiga period, dan pelajaran Shiam sebanyak dua period. Sementara pelajaran Darjah V pula terdiri daripada pelajaran Solat, Zakat, Haji, dan Mu'amalat. Pelajaran Solat sebanyak tiga period, manakala pelajaran Zakat, Haji, dan Mu'amalat masing-masing diperuntukan sebanyak dua period. Seterusnya pelajaran Fiqh bagi Darjah VI ialah Solat, Zakat, Haji, Mu'amalat, Munakahat, dan Jenayat. Pelajaran Solat, Zakat, Mu'amalat, dan Jenayat masing-masing satu period. Sementara pelajaran Haji diperuntukan sebanyak dua period, dan pelajaran Munakahat sebanyak 3 period.

Dalam pengajaran Fiqh, guru-guru agama tidak ketinggalan menghadapi cabaran dalam mencorak pengajaran yang berkesan. Di sekolah agama, sukatan pelajaran Fiqh bagi satu-satu peringkat perlu diajarkan dan perlu dihabiskan dalam masa setahun. Terdapat sebahagian guru-guru agama bertanggungjawab untuk mengajar keseluruhan mata pelajaran bagi satu-satu peringkat darjah termasuklah mata pelajaran lain selain pelajaran Fiqh. Dengan kepadatan dan kepelbagaian ilmu setentunya memerlukan pengetahuan guru yang berbeza-beza bagi setiap mata pelajaran. Mereka perlu mahir memperkembangkan idea-idea dalam buku teks ke dalam konteks pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pengetahuan murid. Oleh itu, disebabkan faktor masa mengajar dan kepadatan sukatan pelajaran dapat mempengaruhi corak pengajaran guru di dalam bilik darjah (Norainah, 2012; Noraini, 2011)

Ringkasnya, dalam konteks pendidikan sekolah agama hari ini, pelajaran Fiqh menjadi satu mata pelajaran yang mesti dipelajari oleh setiap murid di peringkat rendah atas. Matlamat pendidikan Fiqh ini dihasratkan untuk menjadikan murid-murid agar dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah Subhanahu wa Ta'ala demi untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Untuk mencapainya, maka guru-guru agama memainkan

peranan penting dalam konteks pendidikan di persekolahan agama. Oleh itu, perbincangan kajian ini menumpukan terhadap mengenal pasti tahap pengetahuan isi kandungan guru terhadap pengajaran Fiqh.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif menggunakan kajian secara tinjauan. Instrumen kajian soal selidik digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan isi kandungan Fiqh dalam kalangan guru-guru agama. Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru agama yang mengajar pelajaran Fiqh Darjah IV, V, dan VI di sekolah-sekolah agama di keempat-empat daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Temburong, dan Kuala Belait. Pensampelan dilakukan secara rawak berstrata dan jumlah keseluruhan responden guru yang terlibat dalam soal selidik adalah seramai 469 orang. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai daripada pengkaji lepas iaitu Noor Shah (2006), Habibah et al. (2016), dan Abdul Jalal (2016).

Kajian rintis telah dijalankan antara bulan September hingga oktober 2019 di beberapa buah sekolah agama di Daerah Brunei dan Muara yang melibatkan 100 orang guru-guru agama. Item soal selidik telah disahkan dengan terdapat sedikit pengubahsuaian oleh seorang pakar penilai. Analisis kebolehpercayaan terhadap item-item dalam borang soal selidik ini menunjukkan pada tahap yang sangat baik iaitu $\alpha = 0.896$. Borang soal selidik yang disediakan mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A berkenaan dengan latar belakang responden dan Bahagian B tentang tahap pengetahuan isi kandungan guru terhadap pelajaran Fiqh. Bilangan item yang terdapat dalam soal selidik adalah seperti Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Jumlah Item Soal Selidik

| Bahagian | Item |
|------------------------------------|---------|
| Latar Belakang Responden | 7 item |
| Konstruk Pengetahuan Isi Kandungan | 11 item |

Setiap item bagi Bahagian B instrumen tersebut mempunyai lima skala likert iaitu tahap 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat setuju. Seterusnya, Data soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science* Versi 20. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan bagi profil responden dan min serta sisihan piawai bagi bagi menjelaskan tahap pengetahuan isi kandungan Fiqh kalangan guru-guru Darjah IV, V, dan VI. Kajian ini menggunakan interpretasi skor min diukur berdasarkan kepada Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Interpretasi Nilai Skor Pengetahuan Pedagogikal Kandungan

| Skor Min | Interpretasi Skor Min |
|-------------|-----------------------|
| 1.00 – 1.80 | Sangat Rendah |
| 1.81 – 2.60 | Rendah |
| 2.61 – 3.40 | Sederhana |
| 3.41 – 4.20 | Tinggi |
| 4.21 – 5.00 | Sangat Tinggi |

(Sumber: Kamaruzaman et al., 2010)

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang terdiri daripada latar belakang responden kajian dan tahap pengetahuan isi kandungan guru-guru sekolah agama di dalam pengajaran Fiqh.

Demografi Responden

Bahagian ini melaporkan data demografi responden kajian seperti jantina, pengalaman mengajar, dan daerah tempat mengajar seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Latar Belakang Responden Kajian

| Perkara | | Kekerapan | Peratus |
|------------------------|------------------|-----------|---------|
| Jantina | Lelaki | 154 | 32.8% |
| | Perempuan | 315 | 67.2% |
| Pengalaman Mengajar | 1-5 tahun | 46 | 9.8% |
| | Lebih 5 tahun | 423 | 90.2% |
| Daerah Tempat Mengajar | Brunei dan Muara | 366 | 78.0% |
| | Tutong | 46 | 9.8% |
| | Kuala Belait | 39 | 8.3% |
| | Temburong | 18 | 3.8% |

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3, majoriti responden kajian yang terlibat adalah guru perempuan iaitu seramai 315 orang (67.2%) dan guru lelaki iaitu 154 orang (32.8%). Sementara sudut pengalaman mengajar menunjukkan responden kajian adalah kalangan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 5 tahun iaitu seramai 423 orang (90.2%) dan kurang 5 tahun seramai 46 orang (9.8%). Manakala jumlah responden kajian yang mewakili bagi setiap daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara seramai 366 orang (78%), Daerah Tutong seramai 46 orang (9.8%), Daerah Temburong seramai 18 orang (3.8%), dan Kuala Belait seramai 39 orang (8.3%).

Analisis Dapatan dan Perbincangan

Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai pengetahuan isi kandungan pengajaran Fiqh kalangan guru-guru agama. Sebanyak 11 item telah disediakan bagi mendapatkan data berkaitan

dengan pengetahuan isi kandungan Fiqh dalam kalangan guru-guru agama. Dapatan kajian menjelaskan bahawa tahap min keseluruhan bagi pengetahuan isi kandungan ialah 4.29 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.43 berada pada tahap interpretasi min sangat tinggi.

Jadual 4: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai, dan Interpretasi Min Konstruk Pengetahuan Isi Kandungan

| Bil. | Item | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|---------------------------|---|-------------|----------------|--------------|
| 1 | Saya tahu matlamat pelajaran Fiqh. | 4.27 | 0.60 | ST |
| 2 | Saya tahu objektif pengajaran Fiqh dalam sukatan pelajaran. | 4.32 | 0.54 | ST |
| 3 | Saya tahu kepentingan mengajar pelajaran Fiqh. | 4.51 | 0.53 | ST |
| 4 | Saya tahu peranan penting yang dimainkan oleh pelajaran Fiqh dalam kehidupan manusia. | 4.55 | 0.52 | ST |
| 5 | Saya tahu isi kandungan pelajaran yang diajar mengikut bidang pembelajaran Fiqh. | 4.33 | 0.58 | ST |
| 6 | Saya tahu mengajar mengikut keperluan kurikulum pengajaran Fiqh. | 4.22 | 0.60 | ST |
| 7 | Saya tahu mengaitkan pengetahuan isi pelajaran Fiqh dengan pengalaman hidup. | 4.35 | 0.54 | ST |
| 8 | Saya tahu mengubungjalinkan pengajaran Fiqh dengan mata pelajaran lain. | 4.19 | 0.57 | T |
| 9 | Saya tahu menentukan isi pelajaran Fiqh bersesuaian dengan tahap keupayaan murid. | 4.22 | 0.56 | ST |
| 10 | Saya tahu memilih bahan pengajaran yang sesuai dengan isi kandungan Fiqh. | 4.18 | 0.56 | T |
| 11 | Saya tahu menguasai isi kandungan pelajaran Fiqh sekolah agama dengan baik | 4.16 | 0.57 | T |
| Jumlah Keseluruhan | | 4.29 | 0.43 | ST |

Dapatan kajian menunjukkan 8 item daripada 11 item berada pada tahap yang sangat tinggi dengan purata nilai min antara 4.22 hingga 4.55. Sementara 3 item memperoleh nilai min antara 4.16 hingga 4.19 dengan interpretasi min tinggi. Oleh itu item yang memperoleh min yang sangat tinggi terdiri daripada item pengetahuan guru terhadap peranan isi kandungan Fiqh yang diajar terhadap kehidupan manusia (Min 4.55, SP 0.52). Diikuti item mengenai pengetahuan guru terhadap kepentingan mengajar pelajaran Fiqh (Min 4.51, SP 0.53). Manakala item mengenai pengetahuan guru terhadap perkaitan isi pelajaran dengan pengalaman hidup murid (Min 4.35, SP 0.54).

Pengetahuan guru terhadap isi kandungan diajar mengikut bidang pembelajaran Fiqh memperoleh (Min 4.33, SP 0.58). Sementara guru-guru juga mengetahui objektif pembelajaran Fiqh memperoleh (Min 4.32, SP 0.54). Sementara item yang memperoleh Min 4.27, SP 0.60 iaitu pada item tentang pengetahuan guru terhadap matlamat pelajaran Fiqh. Diikuti oleh pengetahuan guru terhadap menyesuaikan isi pelajaran dengan murid yang diajar (Min 4.22, SP = 0.56) dan

item guru tahu mengajar isi kandungan Fiqh mengikut kurikulum pengajaran Fiqh yang disediakan memperoleh min yang sama iaitu (Min 4.22, SP 0.60).

Merujuk kepada dapatan di atas dapatlah disimpulkan bahawa guru-guru agama mempunyai tahap pengetahuan dalam bidang mata pelajaran yang diajarkan, mengetahui keperluan mengajar mata pelajaran Fiqh dan menyesuaikan penyampaian bahan pengajaran Fiqh peringkat sekolah agama dengan murid yang diajar. Hal demikian disebabkan majoriti guru-guru agama yang mengajar adalah kalangan guru-guru agama yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi dari lima tahun. Oleh itu, berdasarkan kepada pengalaman tersebut guru-guru agama dapat mengetahui secara keseluruhan tentang bahan atau kandungan pengajaran yang diajarkan kepada murid sebagaimana yang terkandung dalam sukatan pelajaran sekolah-sekolah agama dan buku teks yang digunakan dalam pengajaran Fiqh.

Sementara item yang memperoleh min yang tinggi antaranya item mengenai pengetahuan guru terhadap hubungjalin dengan mata pelajaran lain memperoleh nilai min 4.19, SP 0.57. Kemudian diikuti item mengenai pengetahuan guru terhadap pemilihan bahan pengajaran yang sesuai dengan kandungan Fiqh (Min 4.18, SP 0.56). Dan item yang memperoleh min terendah (Min 4.16, SP 0.57) iaitu berkaitan dengan pengetahuan guru terhadap penguasaan isi kandungan Fiqh dengan baik.

Berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru agama mempunyai pengetahuan yang sangat baik terhadap isi kandungan Fiqh yang diajar di peringkat sekolah agama. Mereka juga dikenal pasti sebagai golongan guru yang berpengetahuan terhadap pengajaran Fiqh di sekolah agama dan memiliki kelayakkan akademik sesuai dengan bidang yang diajarkan. Oleh itu, pengetahuan guru terhadap isi kandungan pelajaran Fiqh adalah merujuk kepada isi pelajaran yang disediakan dalam sukatan pelajaran yang disediakan oleh Jabatan Kurikulum, Jabatan Pengajian Islam. Mereka didapati memiliki pengetahuan asas dan kefahaman terhadap isi kandungan Fiqh peringkat sekolah agama. Oleh itu pengetahuan guru terhadap isi kandungan Fiqh merupakan komponen yang penting perlu dimiliki guru kerana hal demikian menurut Nurahimah dan Rafisah, (2010), Roxana dan Andrei, (2014), Cahyono et al. (2016), Muhamad Hafizan dan Anuar (2017) serta Roslina et al. (2019) menyatakan bahawa amalan pengajaran guru yang baik ada hubungkait dengan kemampuan mereka menguasai ilmu. Imam al-Ghazali (2003) pernah mengatakan bahawa sebagai guru, mereka perlu memiliki ilmu.

Kemampuan guru memahami dan mengetahui kandungan yang diajar dapat mempengaruhi pengajaran Fiqh mereka. Hal ini menyokong literatur lepas yang menjelaskan bahawa pengetahuan guru terhadap konsep isi pelajaran mempengaruhi cara guru melaksanakan pengajaran dengan berkesan (Benjie, 2020; Muhamad Hafizan & Anuar, 2017; Ainon, 2016; Zarima et al., 2016; Naquiah & Jimaaain, 2016; Abdul Jalal, 2016; Coe et al., 2014). Guru-guru agama sangat jelas bidang yang diajar. Kefahaman mereka terhadap konsep pelajaran Fiqh bertepatan dengan tuntutan-tuntutan sebagaimana terdapat dalam surah an-Nisa' ayat 36, surah *Thaha* ayat 14, surah *al-Baqarah* ayat 183, surah *Ali- 'Imran* ayat 97, *an-Nisa'* ayat 29, Surah *an-Nur* ayat 32 dan surah *al-Hajj* ayat 77. Keupayaan guru mengaitkan pelajaran Fiqh yang diajar dengan kehidupan murid jelas ditunjukkan berdasarkan persetujuan guru dalam kajian soal selidik. Oleh itu, guru yang baik

iaitu mengajar dengan mengemukakan banyak contoh berkaitan dengan kehidupan murid (Nur Ain & Zamri, 2019).

Keperluan guru terhadap membuat perkaitan ilmu juga jelas telah disedari oleh guru di mana pengetahuan dan kemahiran amat diperlukan bagi individu guru agar dapat mewujudkan pengajaran yang berkesan. Guru-guru agama juga dilihat dapat menguasai pelajaran Fiqh dengan baik. Selaras dengan kajian literatur yang menyatakan bahawa guru perlu tahu bagaimana mereka harus memahami isi pelajaran dan menterjemahkannya ke dalam pengajaran yang mudah difahami murid (Mohamad Nurul Azmi et al., 2017; Derin et al., 2010). Penguasaan guru terhadap isi kandungan mempengaruhi kualiti pengajaran mereka (Asma et al., 2020; Nur Ain & Zamri, 2019; Naquiah & Jimaain, 2017; Rozita et al., 2016; Sally, 2016; Rusli, 2013).

Keperluan guru-guru agama menguasai bidang yang diajar adalah bertepatan dengan keperluan dalam Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Agama 1985, Pindaan 2019 menuntut guru-guru agama termasuklah guru-guru Fiqh untuk menguasai, memahami, dan mempersembahkan isi pelajaran dengan baik serta mengetahui objektif pembelajaran yang ingin dicapai di akhir pengajaran (Jabatan Pengajian Islam, 2020). Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan guru terhadap isi kandungan Fiqh adalah pada tahap yang sangat baik. Mereka juga dapat menguasai isi kandungan Fiqh dengan baik.

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian secara keseluruhannya dapat membantu guru-guru agama agar bertanggungjawab untuk mengimplimentasikan pendidikan yang berkesan dengan menyampaikan bahan pengajaran yang sesuai dengan keperluan Jabatan Pengajian Islam dan selaras dengan perkembangan murid. Kesesuaian pemilihan bahan pengajaran yang baik dan terancang dapat membantu guru-guru agama untuk melaksanakan pengajaran dengan berkesan dan seterusnya dapat mencapai sasaran matlamat pembelajaran Fiqh sekolah agama. Maka, hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai refleksi kepada guru-guru agama untuk mengukur tahap pengetahuan isi kandungan dan seterusnya berusaha untuk terus memantapkan pengetahuan mereka dari semasa ke semasa.

Oleh itu, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama dengan kerjasama Kementerian Pendidikan agar dapat bersama-sama berganding bahu dalam merangka sebarang latihan perguruan untuk meningkatkan profesionalisme guru kerana antara komponen profesionalisme seorang guru ialah mereka memiliki pengetahuan termasuklah pengetahuan terhadap kandungan mahupun pengetahuan terhadap pedagogi pengajaran. Guru-guru agama perlulah sentiasa didedahkan dengan program, kursus atau seminar yang berkaitan dengan konten atau kandungan Fiqh. Hal demikian agar ilmu guru dapat diperluaskan lagi. Program, kursus atau seminar disediakan perlukan dilaksanakan secara berterusan seperti mengadakan Program Perkembangan Profesionalisme Berterusan (*Continuing Profesional Development Programme – CPDP*).

Tahap pengetahuan kandungan guru seharusnya dioptimalkan. Hal ini kerana kedudukan guru yang dianggap sebagai seorang yang berilmu oleh murid. Ilmu guru bukan hanya setakat sebagaimana yang terkandung dalam buku teks semata-mata, malahan ilmu mereka perlu luas. Oleh yang demikian, di peringkat sekolah guru-guru agama juga boleh mengadakan sesi

kongsisama antara sekolah-sekolah agama mahupun menengah di keempat-empat daerah. Tumpuan perbincangan dalam sesi kongsisama atau bengkel yang dianjurkan haruslah bersifat luas merangkumi perkara yang berkaitan dengan kaedah pengajaran mahupun melibatkan tentang bahan pengajaran Fiqh.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan isi kandungan Fiqh kalangan guru-guru agama. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa pengetahuan isi kandungan Fiqh kalangan guru-guru agama memberi implikasi kepada pelbagai pihak berkepentingan menguasai pengetahuan ini. Hasil kajian yang ditemui dapat mengemukakan kepentingan menguasai pengetahuan isi kandungan yang dikaji. Kajian ini mampu menimbulkan kesedaran dalam diri guru bagi menguasai pengetahuan isi kandungan supaya dapat melaksanakan pengajaran dengan mudah dan baik. Seterusnya, melalui kajian ini guru-guru dapat mengetahui cara untuk meningkatkan penguasaan pengetahuan isi kandungan dengan berkesan. Guru-guru yang menguasai isi kandungan Fiqh membolehkan mereka untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dengan baik dan berkesan. Sebagai saranan kepada guru-guru agama agar dapat menyediakan satu dokumen khusus yang boleh dianggap sebagai dokumen refleksi terhasil pengajaran mereka. Kandungan dokumen refleksi tersebut bukan hanya menumpukan kepada hasil pembelajaran murid, malahan juga meliputi hasil pengajaran termasuklah hasil perkembangan bahan pengajaran yang dipersembahkan di samping menilai hasil keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru agama juga disarankan agar sentiasa meningkatkan pengetahuan isi kandungan mereka secara berterusan menerusi penglibatan mereka dalam CPDP atau kongsisama antara guru-guru agar ilmu pengetahuan terhadap bidang yang diajar akan semakin mantap, berkembang dan akhirnya mampu mencapai matlamat pelajaran Fiqh peringkat sekolah agama di Negara Brunei Darussalam.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Abdul Jalal bin Abdul Manaf. (2016, Mac 14-15). Pengetahuan Kandungan Ilmu Qiraat Dalam Kalangan Guru Qiraat di Malaysia. *3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (ICASIC2016)*, Kuala Lumpur.
- Aguinaldo, B. E. (2017). Developing and Applying Technological Pedagogical and Content Knowledge (TPACK) for a Blendend Learning Environment: A Rural Higer Education Experience in the Philippines. *Countryside Development Research Journal*, 4(1), 27-35.
- Ahmad Tafsir. (2011). *Metodologi Pengajaran Agama Islam*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ainon Wazir. (2016). *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah*. [Tidak Diterbitkan]. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- An-Nahlawi Abdurrahman. (1989). *Prinsip-Prinsip dan Metod Pendidikan Islam: Dalam Keluarga, Di Sekolah, Di Masyarakat*. (Terjemahan). Bandung: Diponegoro.
- Asma binti Hilmi, Zarima binti Mohd Zakaria & Ai Fatimah Nur Fuad. (2020). Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Arab Dalam Melaksanakan Kelas Berbalik. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 50-67.
- Atasoy, E., U. N., & Aygun, B. (2016). Technological Pedagogical Content Knowledge of Prospective Mathematics Teachers Regarding Evaluation and Assessment. *World Journal on educational Technology*, 8(1), 18-24.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (2008). Satu Pemikiran Mengenai Corak Pendidikan Untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah. (Gelaran Pehin Jawatankuasa Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri). Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Benjie, M. M. (2020). Pedagogical Content Knowledge in Music Education Among Public Elementary Teachers. *International Multidicpline Research Journal*, 2(3), 1-9.
- Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Ugama 1985 (Pindaan 2019). (2020). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Cahyono, B. Y., Kurniati, O. D. & Mutiaraningrum, I. (2016). Indonesian EFL Teachers' Application of TPACK in In-Service Education Teaching Practices. *International Journal of English Language Teaching*, 4(5), 16-30.
- Coe, R., Aloisi, C., Higgins, S. & Major, L. E. (2014). *What Makes Great Teaching. Review of The Underpinning Research*. Centre of Evaluation & Monitoring, Durham University, 1-57. Retrieved <https://www.suttontrust.com/wp-content/uploads/>
- Danisman, S. & Tanisli, D. (2017). Examination of Mathematics Teachers' Pedagogical Content Knowledge of probability. *Malaysian Online Journal of Education Science*, 5(2), 16-34.
- Derin, A., Azlem, K. & Gokce, K. (2010). The Pedagogical Content Knowledge Development of Prospective Teacher Through an Experiential Task. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 2, 1421-1425. DOI: 10.1016/j.sbspro.2010.03.212.
- Habibah@Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar & Norshahrul Marzuki Mohd Nor. (2016). Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Aspek Pengajaran. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 3(2), 85-109.
- Jahidih Saili & Azmil Hashim. (2014). Pengetahuan Isi Kandungan Guru KKQ Dalam Pengajaran Tajwid Al-Quran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 16-31.
- Imam al-Ghazali. (2003). *Ihya 'Ulumuddin*. (Jilid 1). (Terjemahan). Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Khairunnisa Abd. Hamid, Anuar b. Ahmad, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. (2015, November 5-7). *Kepentingan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Bagi Guru Bukan Opsyen Dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah: Satu Kajian Retrospektif di Malaysia*. Proceeding 7th International Seminar on Regional Education, Riau Indonesia.
- Khoiri Ahmad. (2010). *Konstruksi Pengembangan Pembelajaran: Pengaruhnya Terhadap Mekanisme dan Praktik Kurikulum*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Magdeline Anak Nor & Zamri Mohamad. (2014). Penterjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Dalam Proses Tindakan Guru Bahasa Iban Baharu dan Berpengalaman Bukan Opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 37-49.
- Ma'rufi Ilyas & Salwah. (2018). Junior High School Mathematics Teachers' Pedagogical Content Knowledge in Teaching of Poluhedra. *Journal of Physics Conference Series*, 1-6.

- Mohd 'Athiyah Al-Abrasyi. (1974). *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha & Ab. Halim Tamuri. (2012, Mac 8-9). *Konsep Berilmu Dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Ilm (SEAPPI2012), di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Mohamad Nurul Azmi Mat Noor, Nurzatulshima Kamarudin, Umi Kalthum Abdul Manaf & Mohd. Hazwan Mohd Puad. (2017, Disember 16). *Pengetahuan Kandungan dan Kemahiran Pedagogi Guru Dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT): Analisis Kajian Rintis*. Seminar Penyelidikan Graduan Dalam Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Muhamad Hafizan Mohd Suhairi & Anuar Ahmad. (2017, April 10-11). *Pengaruh Pengetahuan Isi Kandungan Terhadap Aplikasi Pengajaran Yang Berkesan dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah*. International Conference on Global Education V Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity, Universitas Ekasakti Padang, 2457-2472.
- Noor Shah Saad. (2006). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan dan Amalannya Dalam Kalangan Guru Matematik Sekolah Menengah*. [Tidak Diterbitkan]. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Nur Ain Elzira Abdullah & Zamri Mahamod. (2019). *Kajian Pembelajaran Pembangunan Profesionalisme Berterusan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naquiah Nahar & Jimaain Safar. (2016). *Pengajaran Jawi Berkesan Dalam Usaha Memartabatkan Warisan Budaya Bangsa*. *Proceeding of the International Conference on Education Towards Global Peace, Kulliyah of Education, International Islamic Education Malaysia*, 1-17.
- Norainah binti Haji Kula. (2012). *Peta Minda Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Taharah: Kajian Keberkesannya di Sekolah Ugama Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Negara Brunei Darussalam*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Pengajian Islam. Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkihah, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam.
- Noraini binti Haji Abdul Hamid. (2011). *Perlaksanaan Pengajaran Fiqh di Menengah Bawah Sekolah-Sekolah Ugama Kerajaan Negara Brunei Darussalam Dalam Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Pengajian Islam. Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkihah, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam.
- Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman. (2010). *Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah dengan Efikasi Guru*. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 53-71.
- Nurmelda Patric & Roslinda Rosli. (2020). *Pengetahuan Pedagogi dan Isi Kandungan Guru Opsyen Matematik Dalam Pengajaran topik Pecahan*. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 92-101.
- Nurul Ashikin Md. Yatim, Chew Fong Peng & Zuraidah Abdullah. (2020). *Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 10(2), 43-53.
- Roslina Mohd Noh, Nik Mohd Rahimi Ni Yusoff & Hamdzun Haron. (2019). *Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan Dalam Kalangan Guru Seni Visual Sekolah Menengah di Hulu Langat*. *Journal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 137-150.
- Roxana Criu & Andrei Marian. (2014). *The Influence of Student's Perception of Pedagogical Content Knowledge on Self-Efficacy in Self-Regulating Learning in Training of Future Teachers*. *Procedia*

- Social and Behavioral Science*, 142, 673-678. Retrieved <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.596>.
- Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamin & Azhar Md. Sabil. (2016). Pengetahuan Kefahaman Skop Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training (InJET)*, 2(2), 1-9.
- Roxana Criu & Andrei Marian. (2014). The Influence of Student's Perception of Pedagogical Content Knowledge on Self-Efficacy in Self-Regulating Learning in Training of Future Teachers. *Procedia Social and Behavioral Science*, 142, 673-678. Retrieved <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.596>.
- Rusli Haji Md Salleh. (2013). Wibawa Guru Uagama Merentasi Ekspektasi Masyarakat dan Negara. Dalam Tiara Basman (Eds.), *Melestarikan Aspek Kerohaniah Dalam Profesion Perguruan Uagama* (25-48). Negara Brunei Darussalam: Kolej Universiti Perguruan Uagama Seri Begawan.
- Sally, H. (2016, July 3). *A Case Study on The Impact of Teacher Mathematical Knowledge on Pedagogical Practices*. Proceedings of the 39th annual conference of the Mathematics Education Research Group of Australasia (MERGA) Adelaide South Australia.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip & Suziana Hanini Sulaiman. (2018, Ogos 7). *Konsep Modul Intergrasi Latihan Perguruan Pendidikan Islam*. 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) di Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Shulman, L. S. (1987). *Knowledge and Teaching: Foundation on The New Reform*. Havard Educational Review.
- Siti Astri hj Moxsin & Noor Shah Saad. (2019, November 4-5). *Guru Pendidikan Islam Dalam Abad Ke-21*. 6th University – Community Engagement Conference di Tarindak D'Seni Brunei dan Kraftangan, Negara Brunei Darussalam.
- Tepner, O. & Dollny, S. (2014). Measuring Chemistry Teachers' Content Knowledge: It Is Correlated to Pedagogical Content Knowledge. Dalam: C. Bruguiere A. Tiberghin dan P. Clement (Eds), *Topics and Trends in Current Science Education* (243-254), 9th ESERA Conference Selected Contribution.
- Turner, B. R. (2010). *Pengajaran Pakar*. (Terjemahan). Kuala Lumpur: Institut Tejemahan Negara Malaysia.
- Yahya Don, Azzizah Sarkowi & Yaakob Daud. (2014). *Pembentukan dan Peningkatan Kualiti Guru di Malaysia*. [Monograf Pendidikan]. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Yeni Rahmadhani, Adi Rahmat & Widi Purwianingsih. (2016). *Pedagogical Content Knowledge (PCK) Guru dalam Pembelajaran Biologi SMA di Kota Cimahi*. Prosiding Seminar Nasional Sains dan Pendidikan Sains di Salatiga, Jawa Tengah, Indonesia 6.
- Zarima Mohd Zakria, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Fatimah Soin Yan Mei, Mohd Hilmi Abdullah & Saipolbahrin Rami. (2016). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Bahasa Arab Sebutan Konsonan Arab: Kajian Kes di Sekolah Rendah. *Journal Global Business and Social Entrepreneurship*, 2, 122-138.